KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN




JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

PROSEDUR OPERASI STANDARD

SOP



PROGRAM
PENGUKUHAN PENGELUARAN TENUSU NEGARA





PROSEDUR OPERASI STANDARD

SOP

PROGRAM

PENGUKUHAN PENGELUARAN TENUSU NEGARA

OKTOBER 2026

ISI KANDUNGAN

	KATA SINGKATAN	6
	TAKRIFAN	7
	TUJUAN	8
	SKOP	8
	RUJUKAN	8
	LATAR BELAKANG PELAKSANAAN PROGRAM	8
	KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM	9
	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM	11
1.0	PERMOHONAN	15
	TRANSFORMASI USAHAWAN BERSKALA BESAR (TUSB)	15
	1.1 Permohonan	15
	1.2 Verifikasi dan Lawat siasat Permohonan TUSB	15
	1.3 Pengesahan dan kelulusan Permohonan TUSB	16
	TRANSFORMASI PENTERNAK KECIL (TPK)	16
	1.4 Permohonan	16
	1.5 Verifikasi dan Lawat siasat Permohonan TPK	17
	1.6 Pengesahan dan kelulusan Permohonan TPK	17
2.0	PENAWARAN DAN DOKUMEN PERJANJIAN TUSB DAN TPK	18
	2.1 Penyediaan surat niat dan surat tawaran	18
	2.2 Penyediaan Dokumen Perjanjian	19

3.0 PEMBAYARAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK *(REIMBURSEMENT)* 20

3.1 Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik TUSB 20

3.2 Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik TPK 21

3.3 Verifikasi Perolehan Bagi Tuntutan Bayaran Balik 23

3.4 Pengesyoran dan Pengesahan Tuntutan Bayaran Balik 24

4.0 PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM 24

4.1 Pemantauan Program 24

4.2 Penakaian Ternakan 25

4.3 Pelepasan/Rampasan Bon Jaminan Pelaksanaan TUSB 27

5.0 PENAMATAN PROGRAM 29

5.1 Penamatan Pelaksanaan Program setelah tamat tempoh Perjanjian Pelaksanaan Program 29

5.2 Penamatan disebabkan kemungkiran ke atas Perjanjian Pelaksanaan Program 29

KATA SINGKATAN

KPKM	:	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KSU	:	Ketua Setiausaha KPKM
KPPV	:	Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
DVS	:	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
BPIT	:	Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
BKP	:	Bahagian Khidmat Pengurusan
JT4P	:	Jawatankuasa Teknikal Pemantauan, Penilaian, Pengesyoran dan Pelaksanaan Program Pemerkasaan Ruminan
JK Induk	:	Jawatankuasa Induk Program Pemerkasaan Ruminan
PO VetEC	:	Pusat Operasi Pusat Pengembangan Veterinar
BIT Negeri	:	Bahagian Industri Ternakan DVS Negeri
KBIT	:	Ketua Bahagian Industri Ternakan DVS Negeri
PVD/PVJ	:	Pejabat Veterinar Daerah/Pejabat Veterinar Jajahan
LHDN	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri
PUU	:	Pegawai Undang-Undang Jabatan
TUSB	:	Transformasi Usahawan Berskala Besar
TPK	:	Transformasi Penternak Kecil

TAKRIFAN

Pemohon	:	Syarikat/Penternak ruminan
Peserta	:	Syarikat/Penternak ruminan yang ditawarkan program
Jabatan	:	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Bahagian	:	Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
Ketua Jabatan	:	Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Timbalan Ketua Jabatan	:	Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Ketua Bahagian	:	Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Program	:	Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara
Urus Setia Program	:	Unit Tenusu, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
Pegawai Pemantau	:	Pegawai Kerajaan yang dilantik atau diarahkan oleh DVS untuk melaksanakan pemantauan.
Pegawai Verifikasi	:	Pegawai Kerajaan yang dilantik atau diarahkan oleh DVS untuk menjalankan Verifikasi permohonan/tuntutan
Kerajaan	:	Jabatan Perkhidmatan Veterinar

TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan memberi garis panduan berkaitan pelaksanaan Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara. SOP ini menjelaskan prosedur dan proses yang terlibat sepanjang Program dilaksanakan.

SKOP

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini merangkumi syarat-syarat permohonan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan dan proses kerja serta carta alir bagi setiap proses kerja yang terlibat bermula daripada permohonan oleh penternak, verifikasi dan lawat siasat ladang, pemilihan dan perakuan Peserta oleh Jawatankuasa, pemakluman kepada Peserta yang diperakukan, persetujuan menandatangani perjanjian Program, tuntutan pembayaran oleh Peserta, pemantauan dan penilaian KPI Peserta serta pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta.

RUJUKAN

1. Prosedur Import Eksport Ternakan dan Hasilan Ternakan
2. Syarat Pemindahan Ternakan dan Produk antara Negeri Semenanjung Malaysia Termasuk W.P. Labuan
3. Tatacara dan prosedur kewangan Kerajaan

LATAR BELAKANG PELAKSANAAN PROGRAM

Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara merupakan **Program intervensi** yang berkesinambungan daripada **Program Peningkatan Pengeluaran Tenusu Negara** pada RMK-12 bagi pembangunan industri tenusu negara. Pelaksanaan Program ini adalah bagi meneruskan hasrat Kerajaan dalam pembangunan industri tenusu negara untuk meningkatkan pengeluaran susu segar bagi **mencapai 100%SSR susu segar dalam negara** dengan strategi penambahan populasi induk ternakan melalui pelaksanaan skim Insentif bantuan kepada golongan sasar dengan **kaedah imbuh balik *(reimbursement).***

KONSEP PELAKSANAAN PROGRAM

1. Di bawah Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara, Pemohon boleh memohon untuk memasuki Program TUSB atau TPK.

   i. **Permohonan Transformasi Usahawan Berskala Besar (TUSB).**

   Pemohon yang memenuhi syarat dan ditawarkan bagi permohonan TUSB akan membuat perolehan:

   a. Ternakan lembu susu betina bunting baka kacukan Friesian daripada Australia dan/atau New Zealand (min 50 ekor; max 500 ekor); **ATAU**

   b. 1-unit tangki penyejukan susu (RFT) baru berkapasiti 3000 liter; **ATAU**

   c. 1-unit lori tangki susu baru berkapasiti 3000 liter.

   ii. **Permohonan Skop Transformasi Penternak Kecil (TPK)**

   Pemohon yang memenuhi syarat dan ditawarkan bagi permohonan TPK akan membuat perolehan:

   a. Ternakan lembu susu betina bunting baka kacukan Friesian daripada Australia dan/atau New Zealand (min 10 ekor; max 20 ekor); **ATAU**

   b. 1-unit tangki penyejukan Susu (RFT) berkapasiti 500 liter; **ATAU**

   c. 1-unit mesin perincih rumput *(chopper)*.

   Konsep Pelaksanaan Program adalah ditetapkan seperti berikut:

   i. Pemohon boleh memohon bagi ditawarkan:

   a. Ternakan dan Peralatan; **ATAU**

   b. Ternakan sahaja; **ATAU**

   c. Peralatan sahaja.

Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Program Pemerkasaan Ruminan.

ii. Peserta yang ditawarkan menyertai Program ini akan membuat perolehan ternakan dan peralatan dan mengemukakan tuntutan bayaran balik *(reimbursement)* kepada Kerajaan.

iii. Di bawah permohonan **TUSB**, Kerajaan akan membuat bayaran balik *(reimbursement)* sebanyak 30% daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 30:70 (30% daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan manakala baki 70% harga perolehan akan ditanggung oleh Peserta).

iv. Di bawah permohonan **TPK**, Kerajaan akan membuat bayaran balik *(reimbursement)* sebanyak 70% daripada harga perolehan mengikut harga siling yang telah ditetapkan dengan kaedah *reimbursement* 70:30 (70% daripada harga perolehan akan dibayar oleh Kerajaan manakala baki 30% harga perolehan akan ditanggung oleh Peserta).

v. Harga siling yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Harga siling bagi Seunit/Ekor (RM)
1. Induk Betina Bunting	11,000.00
2. Tangki Penyejuk susu (RFT) 500L	60,000.00
3. Tangki Penyejuk susu (RFT) 3000L	180,000.00
4. Lori Tangki Susu 3000L	250,000.00
5. Mesin perincih rumput *(chopper)*	5,000.00

vi. Melalui Program ini, Peserta adalah ditawarkan ternakan lembu tenusu dara bunting baka kacukan Friesian dari Australia dan/atau New Zealand. Kelulusan bagi permohonan selain baka ternakan dan negara seperti yang dinyatakan adalah tertakluk kepada kelulusan JK Induk.

vii. Melalui Program ini, Peserta hendaklah menguruskan dan memastikan peningkatan pengeluaran susu segar ladang mencapai sasaran/ *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Kerajaan.

viii. Bagi menjamin obligasi, **Peserta yang memohon di bawah TUSB perlu menyerahkan Bon Jaminan Pelaksanaan** yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Kerajaan berhak untuk melepaskan keseluruhan atau sebahagian daripada nilai Bon Pelaksanaan bergantung kepada peratus (%) pencapaian KPI Peserta. (Rujuk perkara 4.3; Pelepasan/ Rampasan Bon Jaminan Pelaksanaan).

ix. Peserta TUSB perlu menyediakan **Bon Jaminan Pelaksanaan** bagi menjamin obligasi Peserta di dalam Program ini dengan kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan. Penyediaan Bon Jaminan Pelaksanaan **adalah bergantung kepada nilai tuntutan bayaran balik** kepada Peserta.

- ☑ 2.5% bagi nilai tuntutan bayaran balik kurang daripada RM500,000.00
- ☑ 5% bagi nilai tuntutan bayaran balik RM 500,000.00 dan lebih.

x. Peserta dan Kerajaan akan memasuki satu Perjanjian Pelaksanaan Program bagi tempoh 5 tahun.

xi. Sebarang perubahan kepada pelaksanaan Program bagi tujuan penambahbaikan adalah tertakluk kepada keputusan JK Induk.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM

1. Mempunyai pengalaman dalam bidang penternakan tenusu sekurang-kurangnya 1 tahun dan telah mempunyai rekod pengeluaran susu.

2. Berdaftar dengan e-VetPermit dan mempunyai ID Premis di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

3. Dilengkapi dengan infrastruktur kandang yang baik dan sumber makanan ternakan yang mencukupi bagi menampung pertambahan ternakan.
4. Komited dan mempunyai kerjasama yang baik dengan Jabatan.

5. Bagi ladang di atas tanah milik kerajaan, surat kebenaran atau perjanjian daripada pihak berkuasa / agensi yang berkaitan perlu disertakan.

6. Penerima Program adalah layak untuk memohon semula di sepanjang pelaksanaan Program tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk. Kriteria bagi kelayakan permohonan semula untuk dipertimbangkan adalah:

a. Ketersediaan sumber makanan untuk penambahan ternakan.

b. Pengeluaran susu yang konsisten.

c. Pengurusan ternakan dari segi kebajikan, penyakit dan program kesihatan adalah baik.

d. Modal bagi pelaksanaan perolehan tersedia dan tiada masalah dalam pelaksanaan sebelumnya.

e. Memenuhi syarat-syarat permohonan Program.

keutamaan adalah diberikan kepada permohonan baru yang memenuhi syarat-syarat permohonan yang ditetapkan.

Syarat-syarat tambahan bagi permohonan bantuan insentif **TUSB** dan **TPK**

Syarat tambahan permohonan bantuan insentif TUSB	Syarat tambahan permohonan bantuan insentif TPK
☑ Memiliki ladang tenusu yang didaftarkan atas nama Syarikat.	☑ Warganegara Malaysia.
☑ Syarikat adalah berdaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya syarikat usahasama (JV), pemilikan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 51%.	☑ Berumur di antara 18 – 55 tahun semasa permohonan.
☑ Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Program Pemerkasaan Ruminan.	☑ Pemohon tidak disenarai hitam oleh mana-mana institusi kewangan ataupun daripada mana-mana bantuan Kerajaan.

	☑ Penternak bersedia untuk dibimbing dalam Program Pengembangan Veterinar (PPV).
	☑ Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Peringkat Negeri dan pengesahan oleh Jawatankuasa Induk.

BIL	SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN TUSB
1.	Salinan pendaftaran syarikat (SSM) carian pada tahun semasa yang telah disahkan
2.	Salinan penyata bank *(closing balance)* bagi tiga bulan terkini
3.	Salinan berkaitan pemilikan tanah untuk penternakan: i. geran tanah; atau ii. dokumen sewaan; atau iii. pajakan; atau iv. kebenaran menternak secara dokumentasi
4.	Surat pengesahan status program kesihatan ladang oleh DVS Negeri / PVD / Jajahan **ATAU** sijil bebas penyakit Brucella/TB

BIL	SENARAI DOKUMEN BAGI PERMOHONAN TPK
1.	Salinan kad pengenalan Pemohon yang telah disahkan
2.	Salinan pendaftaran syarikat (SSM) carian pada tahun semasa sekiranya berkaitan yang telah disahkan
3.	Salinan penyata bank *(closing balance)* bagi tiga bulan terkini
4.	Salinan berkaitan pemilikan tanah untuk penternakan: i. geran tanah; atau ii. dokumen sewaan; atau iii. pajakan; atau iv. kebenaran menternak secara dokumentasi
5.	Surat pengesahan status program kesihatan ladang oleh DVS Negeri / PVD / Jajahan **ATAU** sijil bebas penyakit Brucella/TB

Kriteria ladang tenusu untuk Program:

Memenuhi kriteria ladang penternak seperti berikut:

1. Mempunyai Sijil Bebas Brucellosis/Sijil Bebas Tuberkulosis yang sah; **ATAU**

2. Ladang dalam program saringan penyakit dan telah disahkan negatif melalui program kesihatan Jabatan untuk ujian saringan penyakit Brucellosis dan ujian saringan Tuberkulosis (yang terkini)

3. Mempunyai sistem rekod asas ternakan ladang secara fizikal dengan menggunakan buku rekod yang disediakan oleh Jabatan atau buku rekod Pemohon sendiri.

4. Mengamalkan sistem amalan perladangan yang baik.

5. Tidak tersenarai sebagai ladang Indeks Penyakit (IP) aktif bagi penyakit Ruminan.

6. Ternakan diberi vaksinasi Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) secara berkala sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan direkodkan.

1. PERMOHONAN

TRANSFORMASI USAHAWAN BERSKALA BESAR (TUSB)

1.1 Permohonan

1.1.1 Pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara seperti di Appendix A. Borang Permohonan boleh diperolehi melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my atau PO VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat.

1.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan perlulah diserahkan terus kepada Urus Setia Program untuk semakan dan tindakan selanjutnya. Borang permohonan boleh diserahkan secara pos, emel atau secara serahan tangan kepada urus setia di Unit Tenusu, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, DVS Putrajaya.

1.1.3 Borang permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada Pemohon untuk dilengkapkan dan dikembalikan semula kepada Urus Setia Program.

1.1.4 Satu salinan borang permohonan yang lengkap juga akan diserahkan kepada pihak agensi kewangan bagi tujuan saringan permohonan.

1.1.5 Permohonan bagi TUSB ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa Kerajaan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Induk Program.

1.2 Verifikasi dan Lawat siasat Permohonan TUSB

1.2.1 Urus Setia Program akan menyelaraskan tarikh bagi verifikasi permohonan.

1.2.2 Verifikasi permohonan akan dijalankan oleh Pegawai Verifikasi Jabatan yang dilantik oleh Ketua Jabatan atau Timbalan Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian. Pegawai Verifikasi bagi lawat siasat permohonan akan melibatkan: -

a Wakil Pegawai dari Unit Tenusu;

b Wakil Pegawai dari DVS Negeri atau PVD atau PVJ; dan

c Wakil Pegawai Dari Pusat Operasi VetEC

1.2.3 Laporan verifikasi permohonan akan disediakan oleh Pegawai Verifikasi menggunakan Borang Verifikasi Permohonan Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara seperti di Appendix B. Laporan yang lengkap diserahkan kepada Urus Setia Program untuk simpanan.

1.3 **Pengesahan dan kelulusan Permohonan TUSB**

1.3.1 Pemohon akan dijemput bagi membuat pembentangan kepada JK Induk.

1.3.2 Keputusan permohonan oleh JK Induk akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 30 hari selepas keputusan Jawatankuasa.

TRANSFORMASI PENTERNAK KECIL (TPK)

1.4 **Permohonan**

1.4.1 Pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara seperti di Appendix A. Borang Permohonan boleh diperolehi melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my atau PO VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat.

1.4.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan perlulah diserahkan kepada PO VetEC, Bahagian Industri Ternakan Negeri atau PVD/PVJ yang terdekat untuk semakan dan tindakan selanjutnya.

1.4.3 Borang permohonan yang diterima akan disemak untuk tindakan selanjutnya Jabatan. Borang permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada Pemohon untuk dilengkapkan dan dikembalikan semula.

1.4.4 Permohonan daripada penternak TPK perlulah diproses oleh DVS Negeri untuk tujuan verifikasi dan kelulusan Jawatankuasa di peringkat DVS Negeri sebelum disahkan di peringkat JK Induk.

1.4.5 Permohonan bagi TPK ini adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa Kerajaan dan Pertimbangan oleh JK Induk.

1.5 Verifikasi dan Lawat siasat Permohonan TPK

1.5.1 Pihak DVS Negeri akan melantik pegawai daripada DVS Negeri/Daerah dan PO VetEC untuk melaksanakan verifikasi lawat siasat bagi permohonan TPK.

1.5.1 Pegawai Verifikasi yang dilantik akan menyelaraskan tarikh bagi pelaksanaan verifikasi ladang Pemohon TPK.

1.5.1 Laporan verifikasi ladang Pemohon akan disediakan oleh Pegawai Verifikasi menggunakan Borang Verifikasi Permohonan Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara seperti di Appendix B.

1.6 Pengesahan dan kelulusan Permohonan TPK

1.6.1 Permohonan TPK yang telah diverifikasi/lawat siasat perlulah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Negeri untuk kelulusan.

1.6.2 Bagi permohonan yang diluluskan di peringkat Jawatankuasa Negeri, pihak DVS Negeri perlu mengemukakan kepada urus setia perkara 1.6.2 (i) dan (ii) dalam tempoh 5 hari sebelum mesyuarat JK Induk diadakan:

i Senarai permohonan yang telah diluluskan di peringkat Negeri menggunakan format yang disediakan; dan

ii Slaid pembentangan permohonan Peserta mengikut format yang disediakan.

1.6.3 Bagi permohonan yang tidak diluluskan di peringkat Jawatankuasa Negeri, permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya Pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh 90 hari daripada tarikh permohonan.

1.6.4 Permohonan yang diluluskan di peringkat DVS Negeri akan diangkat untuk dipertimbangkan oleh JK Induk.

1.6.5 JK Induk berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan yang telah diluluskan di peringkat DVS Negeri.

1.6.6 Keputusan oleh JK Induk akan dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh 30 hari selepas keputusan Jawatankuasa oleh urus setia.

2. PENAWARAN DAN DOKUMEN PERJANJIAN TUSB DAN TPK

2.1 Penyediaan surat niat dan surat tawaran

2.1.1 Surat niat bagi tawaran Program akan dikemukakan kepada Pemohon yang ditawarkan menyertai Program dan Pemohon dikehendaki untuk memberi maklumbalas kepada surat niat tersebut.

2.1.2 Surat tawaran rasmi beserta syarat-syarat lengkap pelaksanaan Program dan Akuan Penerimaan Program hanya akan dikemukakan kepada Pemohon setelah Pemohon mengemukakan maklum balas surat niat dalam tempoh yang telah ditetapkan dan bersetuju dengan penawaran seperti dalam surat niat.

2.1.3 Surat niat dan surat tawaran Program perlu diselesaikan dalam tempoh 30 hari setelah keputusan Mesyuarat JK Induk

2.1.4 Pemohon yang menerima Program ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pelaksanaan Program yang telah ditetapkan.

2.2 Penyediaan Dokumen Perjanjian

2.2.1 Dua (2) set dokumen Perjanjian Pelaksanaan Program akan disediakan oleh Urus Setia Program kepada Peserta.

2.2.2 Perjanjian Pelaksanaan Program yang telah disemak oleh Pegawai Undang-Undang Jabatan akan diserahkan kepada Peserta untuk bacaan dan semakan serta dimuktamadkan (menandatangani Perjanjian Pelaksanaan Program) oleh Peserta.

2.2.3 Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk matikan setem bagi dokumen Perjanjian Pelaksanaan Program.

2.2.4 Sekiranya Peserta Program menghadapi sebarang masalah di dalam urusan mematikan setem dokumen Perjanjian Pelaksanaan Program, Peserta boleh berhubung dengan Urus Setia Program bagi mendapatkan bantuan.

2.2.5 Satu (1) dokumen asal Perjanjian Pelaksanaan Program yang telah dimuktamadkan (ditandatangan dan dimatikan setem) akan diserahkan kepada Urus Setia Program untuk simpanan dan juga bagi tujuan tuntutan bayaran balik kepada Peserta oleh Kerajaan.

2.2.6 Satu (1) salinan Perjanjian Pelaksanaan Program (Perjanjian Asal/Perjanjian Tambahan) akan dikemukakan juga untuk simpanan kepada:

a DVS Negeri (Bahagian Industri Ternakan);

b Pejabat Veterinar Daerah/Pejabat Veterinar Jajahan; dan

c Pusat Operasi VetEC.

3. PEMBAYARAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK (REIMBURSEMENT)

3.1 Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik TUSB

3.1.1 Peserta yang ditawarkan Program ini layak membuat tuntutan 30% daripada harga perolehan ternakan dan peralatan seperti yang ditawarkan tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

3.1.2 Harga siling yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi TUSB adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Harga siling bagi Seunit/Ekor (RM)	Nilai Reimbursement 30% oleh Kerajaan (RM)
1. Induk Betina Bunting	11,000.00	3,300.00
2. Tangki Penyejuk susu (RFT) 3000 L	180,000.00	54,000.00
3. Lori Tangki Susu 3000 L	250,000.00	75,000.00

3.1.3 **Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk melaksanakan perolehan bagi ternakan dan peralatan baharu yang telah ditawarkan terlebih dahulu.**

3.1.4 Peserta hanya boleh mengemukakan **empat (4) kali tuntutan sahaja *(progressive payment)*** kepada Kerajaan bagi setiap penawaran.

3.1.5 Bagi tujuan tuntutan pembayaran, Peserta hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen sepertimana yang dinyatakan atau apa-apa dokumen lain yang dirasakan perlu dan diminta kepada Peserta dari masa ke semasa.

3.1.6 Tuntutan hanya akan disyorkan oleh Jawatankuasa JT4P setelah dokumen tuntutan lengkap diterima dan verifikasi Ternakan dan/atau peralatan telah dilaksanakan **(prosedur verifikasi tuntutan seperti di perkara 3.3).**

3.1.7 Urus Setia Program bersama Pegawai/wakil daripada Seksyen Kewangan akan membuat semakan ke atas dokumen tuntutan yang dikemukakan dan bagi mana-mana dokumen yang tidak lengkap, Peserta atau Pembekal yang dilantik perlu mengemukakan dokumen yang diperlukan dengan kadar segera.

3.1.8 Senarai Semak Dokumen Tuntutan Pembayaran Semula TUSB yang diperlukan adalah seperti di Appendix C1.

3.2 Serahan Dokumen Tuntutan Bayaran Balik TPK

3.2.1 Peserta yang ditawarkan Program ini layak membuat tuntutan 70% daripada harga perolehan ternakan dan peralatan seperti yang ditawarkan tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

3.2.2 Tuntutan bayaran balik TPK boleh dikemukakan oleh Peserta atau Pembekal yang dilantik oleh Peserta.

3.2.3 Pembayaran balik (reimbursement) untuk TPK boleh dilaksanakan dengan dua kaedah:

a Pembayaran balik Insentif terus kepada Peserta; atau

b Pembayaran balik Insentif kepada Pembekal yang dilantik oleh Peserta TPK.

3.2.4 Harga siling yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi TPK adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Harga siling bagi Seunit/Ekor (RM)	Nilai Reimbursement 70% oleh Kerajaan (RM)
1. Induk Betina Bunting	11,000.00	7,700.00
2. Tangki Penyejuk susu (RFT) 500L	60,000.00	42,000.00
3. Mesin perincih rumput *(chopper)*	5,000.00	3,500.00

3.2.5 Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk melaksanakan perolehan bagi ternakan dan/atau peralatan baharu yang telah ditawarkan terlebih dahulu.

3.2.6 Peserta hanya boleh mengemukakan **empat (4) kali tuntutan sahaja *(progressive payment)*** kepada Kerajaan bagi setiap penawaran.

3.2.7 Bagi tujuan tuntutan pembayaran, Peserta atau Pembekal yang dilantik hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen sepertimana yang dinyatakan atau apa-apa dokumen lain yang dirasakan perlu dan diminta kepada Peserta atau Pembekal yang dilantik dari masa ke semasa.

3.2.8 Tuntutan hanya akan disyorkan oleh Jawatankuasa setelah dokumen tuntutan lengkap diterima dan verifikasi Ternakan dan/atau peralatan telah dilaksanakan **(prosedur verifikasi tuntutan seperti di perkara 3.3).**

3.2.9 Urus Setia Program akan membuat semakan ke atas dokumen tuntutan yang dikemukakan dan bagi mana-mana dokumen yang tidak lengkap, Peserta atau Pembekal yang dilantik perlu mengemukakan dokumen yang diperlukan dengan kadar segera.

3.2.10 **Senarai Semak Dokumen Tuntutan Pembayaran Semula** TPK yang diperlukan adalah seperti di ***Appendix C2.***

3.3 Verifikasi Perolehan Bagi Tuntutan Bayaran Balik

3.3.1 Satu surat lantikan dan arahan menjalankan verifikasi tuntutan daripada Ketua Jabatan atau Timbalan Ketua Jabatan kepada Pegawai Verifikasi akan dikeluarkan oleh Urus Setia Program.

3.3.2 Tindakan semasa melaksanakan verifikasi di lapangan bagi tujuan tuntutan bayaran balik adalah:

a. Mengesahkan Ternakan dan/atau Peralatan berada di lokasi premis seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pelaksanaan Program;

b. Memastikan Ternakan mempunyai No. tag visual/RFID yang sama seperti yang didaftarkan pada sijil kesihatan veterinar negara pengeksport;

c. Memastikan tempoh Ternakan tiba di ladang Peserta tidak melebihi 45 hari; dan

d. Peralatan yang diverifikasi telah dipasang dan berfungsi dengan baik mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

e. Memastikan Syarikat telah melaksanakan permohonan pada sistem **https://spakat.jkr.gov.my/** bagi tujuan verifikasi Lori Tangki Susu.

3.3.3 Laporan lengkap verifikasi tuntutan beserta gambar-gambar yang berkaitan sebagai sokongan kepada laporan tersebut perlu dihantar kepada Urus Setia Program dalam tempoh 7 hari dari tarikh verifikasi dijalankan menggunakan **Borang Verifikasi Tuntutan Pembayaran Balik Program** seperti di ***Appendix D1 – Perolehan Ternakan*** dan/atau ***Appendix D2 – Perolehan Peralatan.***

3.4 Pengesyoran dan Pengesahan Tuntutan Bayaran Balik

3.4.1 Dokumen-dokumen bagi tujuan tuntutan bayaran balik kepada Peserta akan dibentangkan di dalam Mesyuarat JT4P untuk tujuan pengesyoran pembayaran balik 30% atau 70% daripada harga perolehan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran Program.

3.4.2 Pembayaran yang telah disyorkan oleh JT4P akan diangkat untuk tujuan pengesahan oleh Pegawai Pengesah.

3.4.3 Dokumen yang telah disahkan oleh Pegawai Pengesah akan dihantar kepada Unit Kewangan Jabatan atau Agensi Kewangan yang dilantik bagi tujuan pembayaran.

3.4.4 Bayaran balik yang telah selesai pembayaran akan dimaklumkan kepada Peserta secara emel atau bersurat atau melalui medium yang bersesuaian.

3.4.5 Bagi Program ini, Kerajaan bersetuju untuk membuat pembayaran balik Insentif bagi perolehan yang dilaksanakan oleh Peserta mengikut tarikh kuat kuasa atau tarikh Akuan Penerimaan Program. Mana-mana perolehan yang telah dibuat sebelum Akuan Penerimaan Program ini ditandatangani tidak boleh dipertimbangkan untuk pembayaran balik Insentif.

3.4.6 Bagi Program ini, Kerajaan bersetuju untuk membuat pembayaran balik Insentif bagi perolehan Ternakan dan Peralatan yang diverifikasi sahaja. Mana-mana perolehan yang **TIDAK DIVERIFIKASI** tidak boleh dipertimbangkan untuk pembayaran balik Insentif.

4. PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROGRAM

4.1 Pemantauan Program

4.1.1 Pemantauan prestasi adalah berdasarkan kepada peningkatan pengeluaran susu segar ladang mencapai sasaran/ *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Kerajaan.

4.1.2 Pemantauan di lapangan akan dilaksanakan secara rawak sekurang-kurangnya 2 kali/tahun sepanjang Program ini dilaksanakan menggunakan **Borang Pemantauan Kemajuan Program** seperti di **(Appendix E).**

4.1.3 Semasa pemantauan lapangan dilaksanakan, Pegawai Pemantau perlulah memastikan Peserta adalah mematuhi syarat-syarat Pelaksanaan Program dan juga syarat-syarat Perjanjian Pelaksanaan Program.

4.1.4 Sebarang ketidakpatuhan oleh Peserta terhadap syarat-syarat Perjanjian Pelaksanaan Program perlu dimaklumkan kepada Urus Setia Program melalui **Borang Pemantauan Kemajuan Program** seperti di ***Appendix E*** dan diserahkan salinan kepada Urus Setia Program untuk tindakan selanjutnya.

4.1.5 Laporan pemantauan perlu diserahkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pemantauan dijalankan kepada Urus Setia Program.

4.2 Penakaian Ternakan

Penakaian/Penyingkiran Ternakan secara berjadual

4.2.1 Penakaian/Penyingkiran berjadual ialah proses takai atau menyingkirkan ternakan yang tidak produktif atau bermasalah dari kumpulan ternakan secara terancang dan berkala merujuk kepada sistem pengurusan atau pun SOP pengurusan ladang.

4.2.2 Ternakan yang tidak produktif bermaksud:

a Ternakan yang tidak bunting dalam tempoh yang terlalu lama (Contoh: Ternakan telah menjalani proses permanian beradas (AI) sekurang-kurangnya tiga (3) kali

b Ternakan yang menghasilkan susu pada kadar di bawah purata pengeluaran susu ladang.

4.2.3 Bagi penakaian/penyingkiran ternakan secara berjadual, pihak ladang perlu mengemukakan pemakluman penakaian kepada Pusat Operasi VetEC atau PVD/PVJ menggunakan **Borang Permohonan Penakaian Ternakan Secara Berjadual Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara (Borang Penakaian-1)** seperti di ***Appendix F1***. Borang permohonan penakaian/penyingkiran ternakan secara berjadual boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my

Penakaian/Penyingkiran ternakan atas sebab kecemasan

4.2.4 Penakaian/penyingkiran ternakan dengan kadar segera atas sebab kecemasan apabila ternakan dalam keadaan terbaring *(recumbent)* atau rawatan tidak lagi berkesan yang mana memerlukan penakaian/penyingkiran dengan kadar segera bagi mengelakkan sebarang kerugian kepada Peserta.

4.2.5 Pemakluman penakaian/penyingkiran ternakan dengan kadar segera perlulah dibuat oleh Peserta kepada Pusat Operasi VetEC atau PVD/PVJ yang terdekat dalam apa jua bentuk komunikasi dan merujuk kepada perkara 4.2.8.

4.2.6 Pegawai Veterinar (VO) atau Penolong Pegawai Veterinar (AVO) daripada Pusat Operasi VetEC/PVD/PVJ perlu melaksanakan pemeriksaan ke atas ternakan dan membuat pengesyoran bagi penakaian sekiranya ternakan tidak lagi ekonomikal untuk dirawat dan perlu ditakai dengan kadar segera.

4.2.7 Satu salinan laporan pemeriksaan bergambar dan maklumat pengesyoran penakaian perlulah dikemukakan kepada Urus Setia Program untuk pemakluman kepada Jawatankuasa dan untuk tujuan pengauditan. **Borang Pelaporan Penakaian Kecemasan Ternakan Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara (Borang Penakaian-2)** seperti di ***Appendix F2*** boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my

4.2.8 **Bagi penakaian/penyingkiran yang berlaku pada waktu cuti atau pada satu tempoh yang tidak membolehkan pegawai lapangan untuk melaksanakan pemeriksaan, Peserta adalah dipohon untuk mengemukakan perkara berikut kepada urus setia:**

i Gambar penuh ternakan;

ii Gambar tag ternakan;

iii Gambar merujuk kepada sebab untuk ditakai; dan

iv Laporan polis dalam tempoh tidak melebihi 24 jam dari masa penakaian (sekiranya diperlukan)

4.3 Pelepasan/Rampasan Bon Jaminan Pelaksanaan TUSB

4.3.1 Pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan adalah tertakluk kepada peratus (%) Pencapaian KPI oleh Peserta.

4.3.2 Pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan oleh Kerajaan seperti di jadual.

% Pencapaian KPI	% Pelepasan nilai Bon
Pencapaian melebihi 80% daripada sasaran jumlah pengeluaran susu	Pelepasan 100% nilai Bon Pelaksanaan oleh Kerajaan
Pencapaian di antara 50%-79% daripada sasaran jumlah pengeluaran susu	Pelepasan 50% daripada nilai Bon Pelaksanaan oleh Kerajaan
Pencapaian kurang 50% daripada sasaran jumlah pengeluaran susu	Tiada Pelepasan Bon oleh Kerajaan

4.3.3 Laporan pencapaian Peserta akan dilaporkan dalam Mesyuarat JT4P bagi ahli Jawatankuasa menilai dan menganalisa prestasi Peserta.

4.3.4 Pada tahun terakhir Program, laporan prestasi keseluruhan Peserta akan dilaporkan di dalam Mesyuarat JT4P untuk mendapatkan satu keputusan samada untuk **MELEPASKAN** atau **MERAMPAS** Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta.

4.3.5 Proses permohonan pelepasan atau tidak melepaskan Bon Jaminan Pelaksanaan adalah dirujuk kepada tatacara kewangan Jabatan serta prosedur yang ditetapkan oleh pihak bank.

4.3.6 Peserta akan dimaklumkan berkaitan status Bon Jaminan Pelaksanaan dalam tempoh 30 hari daripada keputusan Mesyuarat JT4P.

4.3.7 **SILA AMBIL MAKLUM: Walau apa pun, Kerajaan berhak pada bila-bila masa untuk membuat tuntutan terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada Bon Pelaksanaan berhubung dengan apa-apa pelanggaran terma atau syarat yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pelaksanaan Program.**

4.3.8 Dokumen bagi Permohonan **PELEPASAN** Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta:

a. Surat permohonan pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan daripada Peserta kepada Urus Setia Program; dan

b. Surat pemakluman pelepasan Bon Jaminan Pelaksanaan oleh Kerajaan kepada pihak Bank.

4.3.9 Dokumen bagi Permohonan untuk **RAMPASAN** Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta:

a. Notis bagi meremedikan kemungkiran (sekiranya berkaitan);

b. Surat pemakluman rampasan Bon Jaminan Pelaksanaan oleh Kerajaan kepada Peserta;

c. Surat pemakluman rampasan Bon Jaminan Pelaksanaan oleh Kerajaan kepada pihak Bank beserta Bon Jaminan Pelaksanaan Peserta; dan

d. Minit Mesyuarat JT4P

5. PENAMATAN PROGRAM

5.1 Penamatan Pelaksanaan Program setelah tamat tempoh Perjanjian Pelaksanaan Program

5.1.1 Lawatan akhir pemantauan oleh Pegawai yang dilantik akan dilaksanakan 6 bulan sebelum tamat tempoh Perjanjian Pelaksanaan Program

5.1.2 Peserta perlu mengemukakan **Laporan Lengkap Program** seperti di ***Appendix G*** kepada Urus setia Program dalam tempoh 60 hari setelah lawatan akhir pemantauan dilaksanakan.

5.1.3 Laporan prestasi penilaian Peserta akan dibentangkan dalam Mesyuarat JT4P bagi tujuan pengesyoran penamatan secara bersijil.

5.1.4 **Sijil Penamatan Program** seperti di ***Appendix H*** kepada Peserta akan dikeluarkan setelah mendapat pengesyoran daripada Mesyuarat JT4P.


5.1.5 Peserta di bawah pelaksanaan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara juga layak dianugerahkan Sijil Penamatan Program.


5.2 Penamatan disebabkan kemungkiran ke atas Perjanjian Pelaksanaan Program


5.2.1 Sekiranya berlaku kemungkiran ke atas Perjanjian Pelaksanaan Program, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian Pelaksanaan Program dan kesan-kesan penamatan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat JK Induk.

5.2.2 Penamatan Peserta yang disebabkan oleh kemungkiran tidak layak untuk menerima Sijil Penamatan Program.


Carta Alir Proses Kerja
Program Transformasi Usahawan Berskala Besar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia




Serahan dokumen tuntutan
PESERTA
URUS SETIA PROGRAM DAN SEKSYEN KEWANGAN
TIDAK LENGKAP
Lengkap
Semakan dokumen tuntutan bersama pegawai/wakil dari Seksyen Kewangan
YA
Lantikan Pegawai Verifikasi Tuntutan
URUS SETIA PROGRAM
Verifikasi tuntutan: 14 hari bekerja
Penyelarasan tarikh verifikasi tuntutan
Pelaksanaan verifikasi tuntutan
PEGAWAI VERIFIKASI
Laporan verifikasi tuntutan
Mesyuarat JT4P
Surat Pemakluman
Disyorkan
TIDAK DISYORKAN PEMBAYARAN
YA
Penyediaan dokumen tuntutan
Pengesahan Pegawai Pengesah yang dilantik
URUS SETIA PROGRAM
TIDAK
Pengesahan Kelulusan Skop Program
Dokumen tuntutan (rujuk *Appendix C1* – Senarai Semak Dokumen Tuntutan Pembayaran Semula TUSB)
Tindakan Kewangan untuk pembayaran
Lengkap
YA
14 hari bekerja
Pembayaran
KEWANGAN (DVS / Agensi Kewangan yang dilantik


Pelaksanaan pemantauan, rujuk perkara 4.0, SOP Program
Pemantauan Pelaksanaan Program
PEGAWAI PEMANTAU
Pemantauan berkala
Penakaian ternakan berjadual
Penakaian kecemasan
Surat arahan pemantauan dikeluarkan oleh Urus Setia Program menggunakan Format laporan pemantauan
Laporan Pemantauan Prestasi (KPI) dan status pelaksanaan Program
Laporan Lengkap Program
PESERTA
URUS SETIA PROGRAM
Semakan dan analisis data prestasi Peserta
Laporan Lengkap Program akan disemak oleh pihak VetEC dan Negeri sebelum diserahkan kepada Urus Setia Program bagi tujuan pengesahan
Pembentangan dalam Mesyuarat JT4P
Penamatan Program
Kesan-kesan penamatan
Capai
TIDAK
YA
Pemulangan bon jaminan pelaksanaan
Sijil Penamatan Program
Tamat

Carta Alir Proses Kerja
Program Transformasi Penternak Kecil
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia



Menggunakan **Borang Permohonan Program** seperti di **Appendix A** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan www.dvs.gov.my

Borang yang telah lengkap diisi, diserahkan kepada DVS Negeri/PVD/Pejabat Jajahan/VetEC

Tindakan oleh DVS Negeri


Penyelarasan tarikh verifikasi permohonan dan pelaksanaan verifikasi permohonan diselaraskan oleh DVS Negeri bersama dengan VetEC


Permohonan TPK dibentangkan di peringkat DVS Negeri untuk kelulusan

Senarai Peserta TPK yang diluluskan di peringkat Negeri dipanjangkan ke JK Induk HQ menggunakan format yang disediakan

URUS SETIA PROGRAM

Senarai kelulusan yang dikemukakan oleh DVS Negeri akan dibentangkan dalam Mesyuarat JK Induk bagi sebarang keputusan


Perolehan boleh dilaksanakan mengikut tarikh kuat kuasa atau tarikh Pengakuan Penerimaan Tawaran
Peserta perlu t/tangan Perjanjian Program dalam tempoh 4 bulan atau sebelum imbuh balik dilaksanakan
Akuan Penerimaan Tawaran (dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran)
Perjanjian Pelaksanaan Program
Pelaksanaan perolehan yang ditawarkan
Serahan dokumen tuntutan
PESERTA
URUS SETIA PROGRAM DAN SEKSYEN KEWANGAN
Pembentangan
TIDAK LENGKAP
LULUS
Semakan dokumen tuntutan bersama pegawai/wakil dari Seksyen Kewangan
Verifikasi tuntutan: 14 hari bekerja
Lantikan Pegawai Verifikasi Tuntutan
URUS SETIA PROGRAM
Penyelarasan tarikh verifikasi tuntutan
Pelaksanaan verifikasi tuntutan
PEGAWAI VERIFIKASI
Laporan verifikasi tuntutan
Mesyuarat JT4P
Surat Pemakluman
Disyorkan
TIDAK DISYORKAN PEMBAYARAN
YA
Penyediaan dokumen tuntutan
Pengesahan Pegawai Pengesah yang dilantik
TIDAK
Pengesahan Kelulusan Skop Program
URUS SETIA PROGRAM
Dokumen tuntutan (rujuk *Appendix C2* – Senarai Semak Dokumen Tuntutan Pembayaran Semula TPK)
Tindakan Kewangan untuk pembayaran
Lengkap
YA


14 hari bekerja
Pembayaran
KEWANGAN (DVS / Agensi Kewangan yang dilantik
Pelaksanaan pemantauan, rujuk perkara 4.0, SOP Program
Pemantauan Pelaksanaan Program
PEGAWAI PEMANTAU
Surat arahan pemantauan dikeluarkan oleh Urus Setia Program menggunakan Format laporan pemantauan
Pemantauan berkala
Penakaian ternakan berjadual
Penakaian kecemasan
Laporan Pemantauan Prestasi (KPI) dan status pelaksanaan Program
URUS SETIA PROGRAM
Laporan Lengkap Program
PESERTA
Laporan Lengkap Program akan disemak oleh pihak VetEC dan Negeri sebelum diserahkan kepada Urus Setia Program bagi tujuan pengesahan
Semakan dan analisis data prestasi Peserta
Pembentangan dalam Mesyuarat JT4P
Penamatan Program
Kesan-kesan penamatan
Capai
TIDAK
YA
Sijil Penamatan Program
Tamat

TERMA DAN RUJUKAN
JAWATANKUASA INDUK PROGRAM PEMERKASAAN RUMINAN

1. OBJEKTIF

1.1 Pembentangan dan kelulusan permohonan Peserta bagi Program Pemerkasaan Ruminan di bawah RMK-13;

i Program Pengganda30

ii Program Peningkatan Ruminan Kecil

iii Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara (Skop Program Transformasi Usahawan Berskala Besar dan Skop Program Transformasi Penternak Kecil)

1.2 Membincangkan perkara dan isu berkaitan pelaksanaan Program.

1.3 Meluluskan sebarang perubahan atau penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) Program.

2. KEANGGOTAAN

2.1 **Pengerusi:**
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)

2.2 **Pengerusi Alternatif:**
Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan (BPIT)

2.3 **Ahli**

Ahli Tetap:

1 Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, Cawangan Ternakan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

2 Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar

3. Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
4. Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan
5. Ketua Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
6. Ketua Seksyen Pengembangan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
7. Ketua Unit Tenusu, Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
8. Ketua Unit Pedaging, Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
9. Ketua Unit HIP, Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan
10. Wakil tetap Pegawai Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

2.4 **Ahli Jemputan:**

1. Pengarah DVS Negeri / Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Negeri yang berkaitan.
2. Pengarah VetEC yang berkaitan.
3. Pegawai Verifikasi berkaitan yang dilantik oleh Jabatan.
4. Pegawai Pembimbing / pemantau berkaitan yang dilantik oleh Jabatan dan mana-mana pegawai dari Jabatan/ Agensi berkaitan mengikut keperluan.

3. URUS SETIA

Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan bertanggungjawab untuk menetapkan tarikh dan panggilan mesyuarat, merekod keputusan hasil pembentangan, dan mengeluarkan surat tawaran kepada pengusaha yang diluluskan serta mengambil tindakan daripada keputusan mesyuarat.

4. BIDANG TUGAS JAWATANKUASA

4.1 Menilai dan meluluskan permohonan yang dibentangkan oleh Peserta mengikut Program Pemerkasaan Ruminan di bawah RMK-13 yang dipohon kepada jawatankuasa.

4.2 Mengesahkan permohonan penternak kecil yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Penternak Kecil di peringkat negeri bagi Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara.

4.3 Membincangkan dan membuat keputusan bagi perkara-perkara berkaitan pelaksanaan Program Pemerkasaan Ruminan di bawah RMK-13.

5. PERWAKILAN KUASA

Ahli tetap boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas-tugas/ kuasa-kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pegawai/pihak berkuasa melalui surat cara bertulis.

6. KEKERAPAN BERSIDANG

Kekerapan bersidang minima 4 kali setahun atau bergantung kepada keperluan.

7. KUORUM MESYUARAT

Mesyuarat akan bersidang apabila kuorum mencukupi dihadiri oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada keseluruhan ahli tetap jawatankuasa termasuk pengerusi.

8. NOTIS MESYUARAT

8.1 Notis bagi sesuatu mesyuarat hendaklah disampaikan secara bertulis atau elektronik oleh urus setia pada ahli-ahli Jawatankuasa selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu atau mengikut keperluan.

8.2 Notis bagi sesuatu mesyuarat hendaklah menyatakan tempat, tarikh dan masa yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

9. MINIT DAN LAPORAN

Minit-minit bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa dalam masa 14 hari bekerja selepas mesyuarat itu diadakan.

10. KUASA MELANTIK

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

TERMA DAN RUJUKAN
JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMANTAUAN, PENILAIAN, PENGESYORAN DAN PELAKSANAAN (JT4P) PROGRAM PEMERKASAAN RUMINAN

1. OBJEKTIF

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi;

i. Mengesyorkan tuntutan pembayaran balik (reimbursement) oleh Peserta Program Pemerkasaan Ruminan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13)

   Program Pengganda30;
   Program Pengukuhan Pengeluaran Tenusu Negara; dan
   Program Peningkatan Ruminan Kecil

